



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
كلية الدراسات الإسلامية
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

AL-TURATH
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 8 ISSUE 1 2023

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-8-no-1-2023/>


Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



PERSEPSI GURU TAULIAH TERHADAP PENILAIAN STATUS HADIS *ḌAʿĪF*: SATU KAJIAN DI NEGERI MELAKA

Perceptions of Qualified Teachers on the Evaluation of Weak *Hadiths*: A
Study in Malacca

Muhammad Ashraf Shahrulail,* Mohd Khafidz Soroni & Suriani Sudi

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor,
Bandar Seri Putra, Bangi, Selangor. Malaysia.

*Corresponding author: ashrafshahrulail89@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2023-0801-08>

Article history

Received:
11/02/2023

Revised:
22/02/2023

Accepted:
01/06/2023

Published:
30/06/2023

Abstrak

Guru tauliah merupakan penyumbang terpenting dalam pembangunan pendidikan peringkat akar umbi dalam masyarakat Islam. Namun begitu, terdapat beberapa permasalahan yang ditemui berkenaan dengan penilaian terhadap status hadis *Ḍaʿīf* dalam kalangan guru tauliah. Tambahan pula kedudukan hadis *Ḍaʿīf* merupakan sesuatu perkara yang sering diperdebatkan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi guru tauliah terhadap penilaian status hadis *Ḍaʿīf*. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu menggunakan instrumen soal selidik melibatkan 240 orang guru tauliah yang melibatkan tiga daerah di Negeri Melaka menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Data telah dianalisis menggunakan perisian IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25.0 secara deksriptif untuk mengetahui nilai min, peratusan dan data interpretasi. Dapatan kajian mendapati persepsi guru tauliah terhadap penilaian status hadis *Ḍaʿīf* berada pada tahap sederhana tinggi. Hasil daripada kajian ini mendapati tidak semua guru tauliah mempunyai latar belakang pengajian ilmu hadis. Faktor yang kedua adalah berkemungkinan guru-guru tauliah tidak didedahkan dalam mengenali selok-belok ilmu hadis terutamanya berkaitan penilaian terhadap status hadis *Ḍaʿīf* yang boleh diamalkan ataupun tidak. Selain itu, kebanyakan daripada mereka masih kurang berpengetahuan dalam memahami permasalahan status hadis terutamanya berkaitan penilaian status hadis *Ḍaʿīf*. Justeru itu, golongan guru tauliah atau penceramah agama perlu mempunyai inisiatif untuk menambahkan nilai-nilai keilmuan dan kefahaman dalam diri mereka dengan mempelajari ilmu-ilmu islam secara berterusan khususnya berkaitan ulum hadis. Kedudukan guru agama dan murabbi adalah mulia di sisi agama malah mereka mempunyai tanggungjawab mendidik umat Islam untuk kekal berada di jalan yang benar. Sudah tentu peranan ini akan menentukan nasib dan keadaan ummah pada masa hadapan.

Kata kunci: Persepsi, Penilaian, Guru Tauliah, Hadis *Ḍaʿīf*

Abstract

The qualified teacher is the most important contributor to the development of the root rank education in the Islamic society. However, there are some problems encountered with regard to the assessment of the status of the *ḍa'if* hadis among the qualified teachers. In addition, the status of *ḍa'if* hadis is something that is often debated. The objective of this study is to identify the college teachers' perceptions towards assessing the status of *ḍa'if* hadis. This study used a quantitative approach i.e. using a research question instrument involving 240 teachers involving three regions in Negeri Melaka using a stratified random sampling method. The data has been analysed using IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0 software descriptively to determine the min value, peratusan and interpretation data. The results of the study found that the perceptions of the college teachers towards assessing the status of the *ḍa'if* hadith were at a modestly high level. The result of this study found that not all qualified teachers have a background in the study of hadith science. The second factor is the possibility that the qualified teachers are not exposed to the intricacies of hadith science especially with regard to the assessment of the status of *ḍa'if* hadis that can be practiced or not. Moreover, most of them are still not knowledgeable in understanding the issues of the status of hadith especially with regard to the judgement of the status of the *ḍa'if* hadiths. Therefore, qualified teachers or preachers need to take the initiative to add scientific values and understanding in themselves by studying Islamic sciences continuously especially related to the science of hadith. The position of religious teachers and murabbi is honourable in the sight of religion even they have the responsibility of educating Muslims to remain on the right path. Of course, this role will determine the fate and condition of the ummah in the future.

Keywords: Perception, Assessment, Qualified Teachers, Weak Hadith

PENGENALAN

Guru tauliah bermaksud individu yang dibenarkan bagi seseorang warganegara atau bukan warganegara yang dijemput khas oleh Kerajaan Negeri, jabatan atau agensi-agensi untuk memberi ceramah atau kuliah berhubung dengan apa-apa aspek agama Islam dalam program tertentu pada tarikh, masa dan tempat yang ditentukan sahaja. (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan). Menurut Wahyu Hidayat (2018) guru tauliah agama merupakan individu yang mendapat kebenaran mengajar oleh badan berautoriti di dalam sesebuah negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri yang diberikan autoriti untuk mengeluarkan dan memberikan tauliah kepada seseorang yang ingin menyampaikan pengajaran agama. Individu yang memberikan ceramah umum, pengajian berkitab, pengajian khas agama, mengajar al-Quran, mengajar fardu ain merupakan dibawah kategori tauliah. (Enakmen Pentadbiran 2003). Oleh itu, guru tauliah merupakan individu yang penting dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat awam.

Pemegang tauliah mengajar agama khususnya dari jabatan Mufti Negeri Melaka boleh mengajar di masjid atau surau di dalam negeri Melaka mengikut kategori tauliah yang diberikan. Mereka juga boleh menentukan kitab yang akan diajar mengikut kemahiran yang ada. Pemegang tauliah mengajar agama tidak diberikan elaun tetapi mereka menerima sumbangan mengikut kadar yang ditetapkan atau atas budi bicara pihak jawatankuasa masjid dan surau yang menjemput pemegang tauliah berkenaan. (Elieza Hana, 2021) Tauliah Mengajar/Kebenaran ini diberi kepada Pemohon atau Penganjur yang layak berdasarkan peruntukan Seksyen 106 (3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 mengikut kategori yang berikut:

- a. Tauliah Mengajar Agama terbahagi kepada dua kategori:
Kategori A: Bagi seluruh Negeri Melaka; dan
Kategori B: Bagi daerah tertentu sahaja.
- b. Tauliah Mengajar Al-Quran bagi seluruh Negeri Melaka.
- c. Kebenaran Berceramah bagi tarikh, tempoh atau masa dan tempat tertentu sahaja.
- d. Kebenaran membaca khutbah bagi tarikh, tempoh atau masa dan tempat tertentu sahaja. (Garis Panduan Tauliah Mengajar Negeri Melaka)

Hadis *Da'if* dari segi bahasa: الضعيف adalah lawan kepada القوي (kuat) yang membawa maksud lemah. (al-Ghourī, 2019: 113). Makna dari segi istilah: Definisi yang paling baik untuk hadis *da'if* ialah hadis yang kehilangan salah satu daripada syarat-syarat hadis maqbul. (Nuruddin 'Itr, 1997: 165) Menurut Ibn Ṣalah (w. 643H) pula, hadis *da'if* ialah hadis yang tidak mencukupi syarat-syarat hadis *ṣaḥīḥ* dan tidak mencukupi syarat-syarat hadis *ḥasan* (Ibn Ṣalah, 1986: 89). Menurut al-ʿIrāqī (w. 806H) hadis *da'if* terbahagi kepada 42 bahagian. Sebahagian yang lain pula ada yang mengatakan 81 bahagian. (Al-Mālikī, 2002: 87) Terdapat beberapa kriteria yang menunjukkan sesuatu hadis itu *da'if*. Di antara salah satu ciri-ciri tersebut ialah:

- a. Sanadnya tidak bersambung
- b. Perawi tidak 'adil
- c. Perawi tidak *ḍabt*
- d. Mengandungi syaz
- e. Mengandungi 'illah
- f. Mempunyai sokongan jika diperlukan (Nuruddin 'Itr, 1997)

Pernyataan Masalah

Dalam lapangan ilmu hadis, kedudukan hadis *da'if* merupakan sesuatu perkara yang sering diperdebatkan. (Khadher Ahmad & Fauzi Deraman, 2021) Dalam konteks isu semasa, polemik berkaitan penilaian status hadis lebih cenderung melarat kepada pertelingkahan di luar batas keilmuan apatah lagi biasanya ia membabitkan penceramah, pendakwah atau ilmuwan agama. Menurut Rohaizan Baru et. al (2022) perselisihan hadis dalam kalangan agamwan bukan sahaja tentang kefahaman mereka terhadap konteks makna hadis, malah perselisihan-perselisihan yang halus tentang kriteria penerimaan atau kriteria sahih dan tidak sahih, diterima atau tidak diterima dan seterusnya perselisihan terhadap istilah yang ada dalam ilmu mustalah hadis itu sendiri. Sehubungan itu, terdapat beberapa permasalahan yang ditemui berkenaan dengan penilaian status hadis dalam kalangan penceramah atau guru agama. Permasalahan yang pertama adalah berkaitan dengan perselisihan dalam menentukan status hadis. Abu Zaki (2017) menjelaskan bahawa dalam kalangan penceramah dan penyampai agama pada zaman ini berlakunya pertikaian tentang status hadis yang disebarkan dalam masyarakat. Antaranya adalah mereka berbeza pendapat dalam menentukan status sesuatu hadis itu sama ada palsu atau *da'if* pada hadis yang sama. Perbezaan pendapat dalam pemilihan status hadis dalam kalangan penceramah ini juga bertepatan dengan kajian daripada Wahyu Hidayat (2018) Dapatan dari hasil kajian beliau mendapati, sememangnya terdapat perbezaan pendapat dalam aspek penghuraian status hadis dalam kalangan tenaga pengajar di masjid dan surau.

Seterusnya, Shukri Senin & Faisal Ahmad Shah (2018) mendapati guru-guru pendidikan islam hanya menerima semua hadis yang diketahui dan mengamalkannya tanpa meneliti dan mengambil pandangan ulama-ulama hadis terhadap statusnya sama ada hadis tersebut boleh diterima atau ditolak. Menurut Faisal Ahmad Shah (2017) kurangnya ilmu pengetahuan berkaitan ilmu hadis secara umumnya menyebabkan golongan ini tidak boleh mengenal pasti dan membezakan sama ada sesuatu hadis *da'if* itu boleh diterima, ditolak atau ia merupakan hadis palsu. Rohaizan Baru et. al (2022) menegaskan, hadis *da'if* ada yang boleh diamalkan atau dijadikan hujah dan ada yang tidak boleh. Oleh itu, perbincangan dan pendapat ulama berkait

dengan perkara ini perlu diberikan perhatian oleh agamawan. Ini suatu perkara yang sewajibnya para agamawan perlu tahu dan faham. Menurut Ibrahim Adham et. al (2020) sebahagian kelompok ini seolah-olah menyamakan hadis *ḍaʿīf* dengan palsu sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, tidak wajar menyamakan dan memukul secara rawak hadis *ḍaʿīf* dan palsu. Hal ini kerana kedua-dua kategori hadis itu mempunyai ruang perbahasan yang berbeza dan luas. Tidak semudah *ḍaʿīf* itu palsu dan setiap yang *ḍaʿīf* ataupun palsu itu tertolak. Tidak dinafikan sebahagian tenaga pengajar dan penceramah di Malaysia menguasai dalam aspek ilmu riwayat, namun begitu, penekanan dari sudut ilmu dirayah seperti penelitian sanad, kajian perawi hadis dan penilaian status hadis masih kurang diberi perhatian dalam kalangan mereka. (Muhammad Dhani, 2014)

Bagi pengkaji ini merupakan satu isu permasalahan yang agak besar. Ini kerana masyarakat awam tidak mampu untuk menilai dan mengambil pendapat mana yang sesuai dan tidak sesuai. Perlu dilihat juga bahawa tahap penerimaan masyarakat awam terhadap sesuatu maklumat atau ilmu adalah terhad. Justeru, objektif kajian ini akan melihat sejauh mana persepsi guru tauliah dalam menilai status hadis *ḍaʿīf*. Mengenal pasti status hadis terutamanya hadis *ḍaʿīf* memang perlu supaya kita dapat mengesahkan sama ada hadis *ḍaʿīf* tersebut memang benar-benar disepakati oleh ‘ulama untuk ditinggalkan hadisnya atau ada *ḵhilāf* (perbezaan) mengenainya. Justeru itu, setiap penilaian status sesuatu hadis haruslah dipandu mengikut garis panduan yang telah disusun oleh para ‘ulama.

Metodologi

Dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan adalah reka bentuk kajian tinjauan. Menurut Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan (2015), kajian tinjauan lazimnya melibatkan persoalan mengenai tingkah laku individu seperti persepsi, tahap pengetahuan, kefahaman, kepercayaan, kegemaran dan lain-lain. Oleh itu, reka bentuk kajian ini sangat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan iaitu untuk mengkaji persepsi guru tauliah terhadap penilaian status hadis *ḍaʿīf*. Kajian ini hanya menggunakan metode kajian berbentuk kuantitatif melalui edaran soal selidik.

Populasi sasaran pengkaji adalah terdiri daripada guru-guru tauliah yang dilantik oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka ditugaskan untuk mengajar di surau dan masjid sekitar negeri Melaka. Kajian ini melibatkan daerah Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis (Majid Konting, 2000) ataupun juga dikenali sebagai rawak berstrata. (Mohd. Najib, 2003) Responden yang terlibat terdiri daripada guru-guru tauliah negeri Melaka. Dalam kajian ini, sejumlah 652 orang guru tauliah (Data dari Jabatan Mufti Negeri Melaka) telah dipilih secara rawak untuk diberikan instrumen soal selidik yang merupakan sumber utama dalam kajian ini. Pemilihan sampel telah dibuat secara rawak bagi memberikan peluang yang sama kepada individu untuk terlibat sebagai sampel kajian ini dalam mewakili populasi yang dikaji. Namun, daripada 652 orang guru tauliah, hanya sejumlah 240 orang sahaja yang mengembalikannya semula dan boleh digunapakai untuk dijalankan analisis berkaitan kajian ini. Dalam hal ini, Krejcie dan Morgan (1970) berpendapat bahawa saiz sampel yang sesuai bagi bilangan saiz populasi seramai 242 orang ialah 650 orang. Dengan itu, sejumlah 240 orang responden yang menjadi sampel bagi kajian ini adalah menepati pendapat Krejcie dan Morgan.

Skala pengukuran yang digunakan di dalam soal selidik ini adalah berbentuk skala likert berdasarkan pilihan jawapan Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Skala likert ini digunakan sebagai pilihan jawapan responden. Data telah dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.0 secara deksriptif untuk mengetahui nilai min, peratusan dan data interpretasi. Kajian ini menggunakan analisis data deskriptif bagi menguji hipotesis penyelidikan, menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif yang telah digariskan dalam kajian ini.

Dapatan Kajian

Analisis data daripada soal selidik yang dijalankan adalah bagi mendapatkan analisis kekerapan, peratusan, min dan interpretasi penilaian status hadis *ḍaʿīf* dalam kalangan guru tauliah.

1. Demografi Responden

Jadual 1: Latar Belakang Guru Tauliah

No	Item	Perincian	Jumlah	Peratusan (%)
1	Jantina	Lelaki	156	65
		Perempuan	84	35
2	Daerah	Jasin	52	21.7
		Melaka Tengah	98	40.8
		Alor Gajah	90	37.5
3	Bidang Pengkhususan	Shari'ah	64	26.7
		Usuluddin	40	16.7
		Al-Quran	68	28.3
		Hadith	4	1.7
		Bahasa Arab	8	3.3
		Dakwah Islamiah	56	23.3

Sumber: Soal Selidik 2022

Berdasarkan dapatan yang diperolehi dari Bahagian demografi responden, seramai 156 orang (65%) adalah terdiri dari guru tauliah lelaki manakala 84 orang responden (35%) merupakan guru perempuan. Dari segi daerah tempat mengajar, jumlah guru tauliah yang mewakili daerah jasin seramai 52 orang (21.7%), daerah Melaka Tengah seramai 98 orang (40.8%) dan daerah Masjid Tanah seramai 90 orang (37.5%). Dari segi bidang pengkhususan, 64 orang (26.7%) responden dari bidang shari'ah, 40 orang (16.7%) dari bidang usuluddin, 68 orang (28.3%) dari bidang al-Quran, 4 orang (1.7%) dari bidang hadis, 8 orang (3.3%) dari bidang bahasa arab dan 56 orang (23.3%) dari bidang dakwah islamiah.

2. Penilaian Status Hadis *ḍaʿīf*

Analisis data dapatan daripada penilaian status hadis *ḍaʿīf* dalam kalangan guru tauliah ditunjukkan seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Kekerapan, peratusan dan skor min persepsi guru tauliah terhadap Penilaian Status Hadis *ḍaʿīf*

Bil	Item	Kekerapan dan Peratus (%)					
		STS	TS	TP	S	SS	Min
1	Saya tahu hadis <i>ḍaʿīf</i> boleh dikuatkan melalui sanad dan matan	0 (0)	4 (1.7)	28 (11.7)	116 (48.3)	92 (38.3)	4.23
2	Saya tidak tahu ada hadis <i>ḍaʿīf</i> yang boleh dikuatkan melalui matan sahaja	20 (8.4)	32 (13.3)	104 (43.3)	72 (30.0)	12 (5.0)	3.10
3	Saya tahu kaedah <i>shawāhid</i> (hadis lain yang diriwayatkan oleh sahabat yang lain) boleh menguatkan hadis <i>ḍaʿīf</i>	12 (5.0)	40 (16.6)	100 (41.7)	64 (26.7)	24 (10.0)	3.20

4	Saya tahu hadis – hadis <i>mauqūf</i> atau <i>athar</i> (perkataan sahabat) boleh menguatkan hadis <i>ḍaʿīf</i>	16 (6.7)	44 (18.3)	88 (36.7)	72 (30.0)	20 (8.3)	3.15
5	Saya tidak tahu kaedah <i>talaqqī ummat bi al-qabūl</i> (penerimaan umat islam) boleh menguatkan makna hadis <i>ḍaʿīf</i>	12 (5.0)	28 (11.7)	80 (33.3)	88 (36.7)	32 (13.3)	3.42
6	Saya tidak tahu bahawa terkadang status sanad sesebuah hadis itu <i>ḍaʿīf</i> tetapi matan hadisnya membawa makna yang ṣahīh	20 (8.3)	28 (11.7)	92 (38.3)	88 (36.7)	12 (5.0)	3.19
7	Saya tidak mampu untuk mengenali hadis <i>ḍaʿīf</i> yang berkemungkinan besar masih lagi boleh diamalkan	12 (5.0)	28 (11.7)	48 (20.0)	132 (55.0)	20 (8.3)	3.50
8	Saya tidak mampu mengenali hadis <i>ḍaʿīf</i> yang ‘ulama sepakat untuk menolak hadisnya	12 (5.0)	32 (13.3)	52 (21.7)	120 (50.0)	24 (10.0)	3.50
9	Saya mampu untuk memilih hadis yang diperselisihkan penilaian statusnya oleh para ‘ulama sama ada ia <i>ḍaʿīf</i> atau palsu	24 (10.0)	72 (30.0)	88 (36.7)	48 (20.0)	8 (3.3)	3.50
10	Saya tahu bahawa hadis <i>ḍaʿīf</i> itu berbeza dengan hadis palsu	28 (11.7)	72 (30.0)	76 (31.7)	48 (20.0)	16 (6.7)	3.20

Sumber: Soal Selidik 2022

Berdasarkan dapatan kajian, bagi item yang pertama, seramai 208 (86.6%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju ‘*Saya tahu hadis ḍaʿīf boleh dikuatkan melalui sanad dan matan*’. 28 (11.7%) responden mengatakan tidak pasti dan 4 (1.7%) responden mengatakan tidak setuju. Item kedua pula seramai 84 (35%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju ‘*Saya tidak tahu ada hadis ḍaʿīf yang boleh dikuatkan melalui matan sahaja*’. 104 (43.3%) responden mengatakan tidak pasti dan 52 (21.7%) mengatakan tidak setuju. Item ketiga menunjukkan seramai 88 (36.7%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju bahawa ‘*Saya tahu kaedah *shawāhid* (hadis lain yang dirivayatkan oleh sahabat yang lain) boleh menguatkan hadis ḍaʿīf*’. 100 (41.7%) responden menyatakan tidak pasti dan 52 (21.6%) responden menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Bagi item keempat seramai 92 (38.3%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju bahawa ‘*Saya tahu hadis – hadis *mauqūf* atau *athar* (perkataan sahabat) boleh menguatkan hadis ḍaʿīf*’. 88 (36.7%) responden mengatakan tidak pasti dan 60 (25%) responden mengatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju. Item kelima pula seramai 120 (50%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju ‘*Saya tidak tahu kaedah *talaqqī ummat bi al-qabūl* (penerimaan umat islam) boleh menguatkan makna hadis ḍaʿīf*’. 80 (33.3%) responden mengatakan tidak pasti dan 40 (16.7%) mengatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju. Item keenam menunjukkan seramai 100 (41.7%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju ‘*Saya tidak tahu bahawa terkadang status sanad sesebuah hadis itu ḍaʿīf tetapi matan hadisnya membawa makna yang ṣahīh*’. 92 (38.3%) responden menyatakan tidak pasti dan 48 (20%) mengatakan tidak setuju.

Bagi item ketujuh seramai 152 (63.3%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju bahawa ‘*Saya tidak mampu untuk mengenali hadis ḍaʿīf yang berkemungkinan besar masih lagi boleh diamalkan*’. 48 (20%) mengatakan tidak pasti dan 40 (16.7%) responden berpendapat tidak setuju dan sangat tidak bersetuju. Item kelapan pula seramai 144 (60%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju bahawa ‘*Saya tidak mampu mengenali hadis ḍaʿīf yang ulama sepakat untuk menolak hadisinya*’. 52 (21.7%) responden berpendapat tidak pasti dan 44 (18.3%) responden mengatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju. Item kesembilan menunjukkan seramai 56 (23.3%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju bahawa ‘*Saya mampu untuk memilih hadis yang diperselisihkan statusnya oleh para ulama sama ada ia ḍaʿīf atau palsu*’. 88 (36.7%) responden mengatakan tidak pasti dan 96 (40%) responden menyatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju. Bagi item kesepuluh, seramai 64 (26.7%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju bahawa ‘*Saya tahu bahawa hadis ḍaʿīf itu berbeza dengan hadis palsu*’. 76 (31.7%) responden mengatakan tidak pasti dan 100 (41.7%) responden mengatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju.

Persepsi-persepsi guru yang diperoleh dari analisis ini adalah; [1] Saya tahu sesebuah hadis itu boleh dikuatkan melalui sanad dan matan (min = 4.23). [2] Saya tidak tahu ada hadis yang boleh dikuatkan melalui matan sahaja (min = 3.10). [3] Saya tahu kaedah *shawahid* (hadis lain yang diriwayatkan oleh sahabat yang lain) boleh menguatkan hadis ḍaʿīf (min = 3.20). [4] Saya tahu hadis – hadis *mauqūf* atau *athar* (perkataan sahabat) boleh menguatkan hadis ḍaʿīf (min = 3.15). [5] Saya tidak tahu kaedah *talaqqī ummat bi al-qabul* (penerimaan umat islam) boleh menguatkan makna hadis ḍaʿīf (min = 3.42). [6] Saya tidak tahu bahawa terkadang status sanad sesebuah hadis itu ḍaʿīf tetapi matan hadisnya membawa makna yang *ṣahīh* (min = 3.19). [7] Saya tidak mampu untuk mengenali hadis ḍaʿīf yang berkemungkinan besar masih lagi boleh diamalkan (min = 3.50). [8] Saya tidak mampu mengenali hadis ḍaʿīf yang berkemungkinan besar boleh menjadi hadis palsu (min = 3.50). [9] Saya mampu untuk memilih hadis yang diperselisihkan statusnya oleh para ulama sama ada ia ḍaʿīf atau palsu (min = 3.50). [10] Saya tahu bahawa hadis ḍaʿīf itu berbeza dengan hadis palsu (pertengahan) dalam menentukan status hadis (min = 3.20).

3. Skor Min Bagi Pembolehubah

Bagi huraian secara ringkas, hanya 1 item sahaja daripada semua item mencapai tahap interpretasi yang tinggi iaitu item 1. Manakala terdapat 9 daripada semua item mencapai tahap interpretasi yang sederhana tinggi iaitu item 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10. Berpandukan analisis deskriptif, kajian menunjukkan interpretasi bagi keseluruhan persepsi guru tauliah terhadap penilaian status hadis ḍaʿīf berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan skor min 3.398. Pembolehubah tersebut mencapai interpretasi pada tahap yang sederhana tinggi.

Jadual 3: Nilai skor keseluruhan min dan interpretasi guru tauliah terhadap penilaian status hadis ḍaʿīf

Pembolehubah	Min	Interprestasi
Penilaian Status Hadis Ḍaʿīf	3.398	Sederhana Tinggi

4. Analisis Item

Dapatan menunjukkan interpretasi pada item 1 berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan hampir keseluruhan guru tauliah bersetuju dan memahami bahawa ‘*Sesebuah hadis ḍaʿīf itu boleh dikuatkan melalui sanad dan matan*’. Seramai 208 (86.6%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju. Ini bermakna golongan ini bersetuju dan mengetahui bahawa kaedah tersebut digunakan oleh para ulama. Para ulama yang terdiri daripada *muhaddithīn* (ahli hadis) dan *fuqahā* (ahli fiqh) bersetuju bahawa hadis ḍaʿīf boleh dikuatkan melalui sanad dan matan dengan beberapa syarat. (Bazmūl, 2003: 64)

Pada item 2, 3 dan 4, interpretasi menunjukkan pada tahap sederhana tinggi. Untuk item 2, seramai 84 (35%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju dan 104 (43.3%) responden mengatakan tidak pasti dengan kenyataan '*Saya tidak tahu ada hadis ḍa'īf yang boleh dikuatkan melalui matan sahaja*'. Al-Ḥākim (w. 405H) menjelaskan, terdapat perbezaan pendapat di antara *muhaddithīn* dan *fuqahā* dalam meletakkan syarat selamat daripada kejanggalaan bagi membenarkan sesebuah hadis. (Basri Ibrahim, 2022: 37) Menurut Bazmūl, di sisi *fuqahā*, hadis ḍa'īf boleh diperkuatkan dari segi men^ṣah^ḥkan makna dan men^ṣah^ḥkan nisbah periwayatan. Manakala di sisi *muhaddithīn* mereka hanya men^ṣah^ḥkan dari segi makna hadis sahaja dan tidak pada nisbah periwayatan (Bazmūl, 2003: 64) Antara kaedah lain yang digunakan dalam menyokong makna hadis di sisi *muhaddithīn* dan *fuqahā* ialah kaedah keselarasan ayat al-quran, *ijmā'* (kesepakatan para 'ulama), *qiyas* dan *talaqqī ummat bi al-Qabūl* (penerimaan umat islam) (Basri Ibrahim, 2022: 39)

Pada item 3, seramai 100 responden (41.7%) menyatakan tidak pasti dan 52 (21.6%) responden menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju bahawa '*Saya tahu kaedah syawāhid (hadis lain yang diriwayatkan oleh sahabat yang lain) boleh menguatkan hadis ḍa'īf*'. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (w. 852H) menjelaskan, sokongan hadis dengan kaedah *mutābā'āt* dan *syawāhid* dapat menguatkan sanad dan matan hadis. Oleh itu, kaedah ini disepakati dan diguna pakai kebanyakan *muhaddithīn* dan *fuqahā*. (Ibn Ḥajar, 2011: 64) Menurut 'Awwamah, *muhaddithīn* telah membuka satu bab '*shawāhid*' untuk mensabitkan hadis dan memperkuatkannya meskipun dalam keadaan di mana *shahid* dan *mashhūd* (riwayat yang disokong) kedua-duanya ḍa'īf. Saya membicarakan bab *shawāhid* secara khusus kerana ia berkaitan dengan makna matan dan saya ingin menegaskan bahawa para 'ulama begitu mengambil berat soal matan hadis dan maknanya. Maka apabila datang suatu fakta yang terdapat dalam sesebuah hadis ḍa'īf dan ia disaksikan oleh hadis ḍa'īf yang lain, maka kamu akan melihat para 'ulama mensabitkan hadis tersebut dan menjadikannya sebagai sandaran ('Awwamah, 2009: 161)

Item 4 pula menunjukkan seramai 88 (36.7%) responden mengatakan tidak pasti dan 60 (25%) responden mengatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju bahawa '*Hadis manqūf atau athar (perkataan sahabat) boleh menguatkan hadis ḍa'īf*'. Menurut al-Ghourī, sekiranya perkataan dan perbuatan para sahabat ini *thābit* (wujud) dan benar, ia boleh menguatkan beberapa hadis ḍa'īf. (al-Ghourī, 2019: 203) al-Baihaqī (w. 458H) menegaskan lagi bahawa, hadis *munqatī'* (terputus) jika digabungkan dengan hadis lain atau digabungkan dengan *qaul ṣaḥābī* (perkataan sahabat) atau dipastikan penyampainya dan tiada bantahan keatasnya, maka kami berpegang dengan apa yang terkandung di dalamnya. (Al-Baihaqī, 1991: 1/229) Selain itu, al-Tahānawī (w. 1229) mengatakan, di sisi mujtahid, ia (hadis ḍa'īf) boleh dikuatkan keadaannya apabila selari dengan *qiyās* atau *aqwāl ṣaḥābī* atau *tabi'in* atau dalil-dalil nas yang lain. (Al-Tahānuwī, 1972: 95)

Pada item 5, 6, 7, 8, 9 dan 10 juga interpretasi menunjukkan pada tahap sederhana tinggi. Untuk item 5 seramai 120 (50%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju pada kenyataan '*Saya tidak tahu kaedah talaqqī ummat bi al-qabūl (penerimaan umat islam) boleh menguatkan makna hadis ḍa'īf*'. Al-Juwaynī (w. 478H) ketika menukikkan perkataan Abū Bakr bin Furāk mengatakan bahawa sesebuah khabar yang diterima para 'ulama secara *Talaqqī bi al-Qabul*, maka ia dihukum sebagai khabar *ṣaḥīḥ* dan kandungannya dinilai sebagai benar. (al-Juwainī, 1979: 1/584) Al-Laknawī (w. 1304H) dalam *al-Ajwibah al-Faḍīlah* menegaskan bahawa mana-mana hadis ḍa'īf yang telah mencapai *talaqqī bi al-qabūl* adalah wajib untuk mengakui dan mengamalkannya sebagaimana hal tersebut ditegaskan oleh Ibnu Hajar al-Asqalānī dalam *al-Iṣṣah 'ala Nukat Ibnī al-Ṣalah* dan demikian itulah apa yang dipegang oleh para imam Uṣūl. (al-Laknawī, 2007 :228)

Pada item 6, seramai 92 (38.3%) responden menyatakan tidak pasti dan 48 (20%) mengatakan tidak setuju pada kenyataan ‘*Terkadang status sanad sesebuah hadis itu da’if tetapi matan hadisnya membawa makna yang ṣahih*’. Dalam keadaan sebegini, Al-Qāsimī (w. 1332H) menjelaskan, jika seseorang itu terjumpa sebuah hadis dengan sanadnya yang ḍa’if, maka jalan selamat dan terbaik baginya adalah dengan menyebut ‘*sanad hadis ini ḍa’if*’. Maka tidak sepatutnya dia menyebut ‘*hadis ini ḍa’if*’ atau ‘*matannya ḍa’if*’. Ini kerana berkemungkinan ia memiliki sanad yang lain sama ada ṣahih atau ḥasan yang tidak dijumpai. (al-Qāsimī, 1993: 124) Ibn ‘Abd al-Bar (w. 463H) menjelaskan, hadis ḍa’if tidak boleh ditolak sepenuhnya. Namun begitu, ia tidak boleh dibuat hujah. Boleh jadi ia ḍa’if dari segi sanad, tetapi makna matannya ṣahih. (Ibn ‘Abd al-Bar, 1967: 1/62)

Item 7 pula menunjukkan seramai 152 (63.3%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju dan 48 (20%) responden mengatakan tidak pasti bahawa ‘*Saya tidak mampu untuk mengenali hadis ḍa’if yang berkemungkinan besar masih lagi boleh diamalkan*’. ‘Awwāmah menjelaskan, para ‘ulama ketika menyebutkan hadis yang ḍa’if sanadnya, mereka juga akan menyertakan sekali *shawahid* dan dalil penguat yang berbilang sehingga wujud kebenaran makna yang terkandung dalam hadis ḍa’if tersebut. Maka hadis – hadis sebegini boleh diamalkan terutamanya dalam perkara kelebihan amal dan seumpamanya. (‘Awwāmah, 2017: 128) Sekiranya hadis yang mempunyai perawi ḍa’if apabila dikuatkan dengan periwayatan ḍa’if yang ringan atau ḥasan atau ṣahih yang lain, maka hadis tersebut boleh naik kepada darjat hadis yang lebih tinggi daripadanya. Kaedah ini boleh menghilangkan ruang lingkup *nakarāh* dan kelemahan pada hadis tersebut. Tambahan beliau lagi, padanan *mutāba’āt* dan *shawahid* ini juga membuktikan bahawa sesuatu hadis itu masih mempunyai asalnya. (Bazmūl, 2003: 35)

Pada item 8, seramai 144 (60%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju dan 52 (21.7%) responden berpendapat tidak pasti bahawa ‘*Saya tidak mampu mengenali hadis ḍa’if yang ‘ulama sepakat untuk menolak hadisnya*’. Al-Baihaqī (w. 458) telah mengkategorikan dalam beberapa bahagian hadis yang seringkali dinilai oleh para muhaddīthīn. Antaranya adalah iaitu hadis yang disepakati kelemahannya. (Al-Baihaqī, 1991: 182) ‘Awwāmah menegaskan, mungkin perawi yang hadisnya disepakati untuk ditinggalkan adalah ketika perawi tersebut meriwayatkan hadis secara *tafarrūd* (berseorangan) atau diduga sebagai pemalsu hadis. Selain itu, sekiranya berlaku kesalahan yang banyak ketika meriwayatkan hadis, dan buruk dari segi makna, maka hadisnya dianggap sebagai *matruk*, dan *matruk* adalah bahagian daripada hadis ḍa’if *jiddan* (ditolak). (‘Awwāmah, 2017: 128)

Item 9 menunjukkan seramai 88 (36.7%) responden mengatakan tidak pasti dan 96 (40%) responden menyatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju bahawa ‘*Saya mampu untuk memilih hadis yang diperselisihkan penilaian statusnya oleh para ‘ulama sama ada ia ḍa’if atau palsu*’. Sekiranya perkara ini berlaku, maka perlu untuk mengambil kira perselisihan pendapat ‘ulama hadis dalam menentukan sesuatu hadis. (Hussein ‘Abd al-Kadir, 2017: 46). Terkadang penilaian dan ijtihad di antara ‘ulama tidaklah sama. Ada di antara mereka yang menghukum palsu sesebuah hadis. Namun sebaliknya ada yang mengatakan ḍa’if dan seumpamanya (Fathor Rois & Iqro Firdaus, 2014: 32) Saranan daripada al-Laknawī supaya meneliti dengan halus kesemua maklumat yang disebut oleh kedua-dua belah pihak. Perhatikan dengan teliti dan cermat sebab-sebab yang mendorong sebelah pihak itu menghukumkannya sebagai ḍa’if atau palsu dan sebelah pihak lagi menghukumkannya sebagai ṣahih atau ḥasan. Sekiranya sudah jelas, pilihlah apa yang nyata sabitnya dan tinggalkanlah apa yang sudah nyata kelemahannya (al-Laknawī, 2000: 420)

Pada item 10, seramai 76 (31.7%) responden mengatakan tidak pasti dan 100 (41.7%) responden mengatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju bahawa ‘*Saya tabu hadis ḍa’if itu berbeza dengan hadis palsu*’. Perlu diketahui bahawa hadis ḍa’if suatu perkara yang berbeza dengan hadis palsu. Oleh kerana itu, hadis ḍa’if tidak boleh ditolak dan disamakan ia dengan hadis palsu.

Ulama-ulama terdahulu tidak menolak hadis *ḍaʿīf* dan menyamakan ia dengan hadis palsu (Khalīl Ibrāhīm, 2005: 6 – 8) Perkara ini jelas dengan perincian yang telah dibuat oleh para ulama hadis dimana mereka turut membezakan hadis *ḍaʿīf* dengan palsu. Palsu tetap palsu tetapi hadis *ḍaʿīf* masih wujud perbincangan yang panjang lebar mengenainya. (Ibrahim Adham, 2018: 86) Justeru, hadis *ḍaʿīf* adalah sesuatu hadis yang berbeza dengan hadis palsu, dan ia perlu diasingkan agar tidak mengelirukan masyarakat yang kurang memahami dalam bidang ilmu agama.

Rumusan daripada analisis keseluruhan item mendapati hasil kajian menunjukkan interpretasi bagi keseluruhan persepsi guru tauliah terhadap penilaian status hadis *ḍaʿīf* berada pada tahap sederhana tinggi. Bagi pengkaji terdapat tiga perkara yang boleh disimpulkan dalam hasil dapatan yang dilaksanakan. Pertama sekali adalah guru tauliah masih tidak mengenali kewujudan kaedah atau panduan yang boleh menyokong sanad dan matan sesebuah hadis *ḍaʿīf* terutamanya pada kaedah *talaqqī ummat bi al-qabūl*. Kedua ialah sebahagian guru tauliah tidak mampu untuk mengenali hadis *ḍaʿīf* yang berkemungkinan besar masih lagi boleh diamalkan dan juga tidak berkemampuan untuk mengenali hadis *ḍaʿīf* yang ‘ulama sepakat untuk meninggalkan hadisnya. Ketiga pula ialah terdapat hampir kebanyakan guru tauliah menyatakan tidak setuju dengan kenyataan hadis *ḍaʿīf* itu berbeza dengan hadis palsu. Ini seolah-olah mereka menyatakan keberadaan sebaliknya. Selain itu, pengkaji melihat jawapan dari responden pada skala *tidak pasti* mempunyai jawapan yang paling kerap dijawab. Ini menunjukkan masih ramai dalam kalangan guru tauliah tidak didedahkan dengan kaedah penilaian dari ulama hadis terhadap status hadis *ḍaʿīf* yang boleh diterima ataupun ditolak menurut panduan ulama hadis.

Perbincangan Kajian

Setelah dapatan dan perbincangan dilaksanakan, interpretasi keseluruhan persepsi guru tauliah terhadap penilaian status hadis *ḍaʿīf* berada pada tahap sederhana tinggi. Secara umumnya, pengetahuan asas guru tauliah terhadap status hadis *ḍaʿīf* adalah baik. Namun, dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan pengetahuan sanad dan pertimbangan untuk memilih hadis *ḍaʿīf* yang boleh diterima atau ditolak masih lagi di tahap sederhana. Beberapa faktor telah mempengaruhi keadaan ini. Hasil kajian mendapati tidak semua pengajian guru tauliah mempunyai latar belakang pengajian ilmu hadis. Berdasarkan dapatan daripada demografi responden terutamanya pada bahagian bidang pengkhususan guru tauliah mendapati hanya 4 (1.7%) orang responden daripada 240 responden sahaja yang mempunyai lulus dalam bidang hadis. Bertepatan dengan kajian artikel dari Jamaluddin (2017) yang bertajuk *Hadith Di Dalam Masyarakat Islam Singapura*, beliau menjelaskan golongan yang berpendidikan agama di Singapura seperti penceramah, guru – guru bertauliah dan seumpamanya, mereka juga datang daripada selain bidang pengkhususan hadis dan kebanyakan daripada mereka masih kurang berpengetahuan dalam memahami permasalahan status hadis.

Faktor yang kedua adalah berkemungkinan guru-guru tauliah tidak didedahkan dalam mengenali selok-belok ilmu ulum hadis terutamanya berkaitan penilaian status hadis *ḍaʿīf*. Penekanan khusus dalam mengetahui ciri-ciri yang ada pada hadis *ḍaʿīf* sama ada ia boleh diterima ataupun ditolak perlu diketahui oleh semua guru tauliah terutamanya yang bukan latar belakang pengajian hadis. Penilaian terhadap status sesebuah hadis amat besar pengaruhnya dalam menentukan amalan dalam masyarakat islam. Terkadang kebergantungan sepenuhnya oleh penceramah kepada karya-karya jawi yang belum ditahqīq atau karya-karya yang seumpamanya juga menjadi salah satu faktor penyebaran hadis *ḍaʿīf* yang tidak diketahui daripada segi penerimaan atau penolakan untuk diamalkan. Hukum beramal atau berhujah dengan hadis *ḍaʿīf* perlu kepada perincian. Dalam lapangan hadis *ḍaʿīf*, terdapat beberapa bab yang hadisnya boleh diterima dan ada hadisnya yang tidak boleh diterima. Tambahan lagi kelemahan hadis tersebut menghampiri ciri-ciri hadis palsu. Oleh itu perlu dipastikan keberadaan hadis tersebut sebelum disebarkan kepada masyarakat.

Seterusnya menyamakan taraf hadis *ḍaʿīf* dan palsu merupakan satu kekeliruan dalam kalangan penceramah agama. Hadis palsu adalah hadis yang direka dan dicipta oleh manusia dalam keadaan sengaja mahupun tidak sengaja. Berbeza dengan hadis *ḍaʿīf*. Ini kerana hadis *ḍaʿīf* bukanlah hadis yang ditolak secara mutlak apatah lagi sekiranya jalan periwayatannya pelbagai. Maka ia mempunyai asas kukuh yang boleh menaikkan tarafnya ke tahap yang boleh diterima dan maksud hadis tersebut masih ada asalnya berbanding dengan tarafnya yang sebelum itu ditolak. Disamping itu, jika kandungan teks hadis *ḍaʿīf* tersebut disokong oleh aspek-aspek luaran atau *qarāin* (bukti-bukti iringan) yang menguatkannya seperti *athar* atau *mauqūf* (perkataan) sahabat, keselarasan ayat-ayat al-Qurān, dan dalil-dalil keumuman yang lain seperti *ijmaʿ* para ‘ulama, *qiyās*, *talaqqi ummāt bi al-qabūl* (penerimaan umat islam), maka hadis seperti ini masih ada ruang untuk diterima.

Sehubungan itu, pihak-pihak berwajib harus melihat setiap kelemahan yang wujud untuk penambahbaikan. Antaranya adalah melaksanakan seminar atau bengkel khusus untuk penjelasan berkaitan penggunaan, pengamalan dan berinteraksi dengan hadis *ḍaʿīf* untuk semua guru tauliah. Pihak penganjur boleh melantik ahli yang pakar dalam kajian hadis *ḍaʿīf* bagi menerangkan bab hadis *ḍaʿīf* ini secara holistik kepada guru-guru tauliah. Pelaksanaan tersebut semestinya akan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati persepsi guru tauliah dalam aspek menilai sesebuah hadis *ḍaʿīf* berada pada tahap sederhana tinggi. Justeru, golongan guru tauliah atau penceramah agama perlulah mempunyai inisiatif untuk menambahkan nilai-nilai keilmuan dan kefahaman dalam diri mereka dengan mempelajari ilmu-ilmu islam secara berterusan khususnya berkaitan ilmu ulum hadis. Sememangnya perbezaan pandangan adalah realiti yang tidak dapat dielakkan di mana sahaja tetapi perbezaan itu sepatutnya menjurus kepada perkara yang sihat, memberi manfaat serta membuka spektrum ilmu lebih luas. Oleh itu, kajian ini penting untuk membuat penilaian dan mencari jalan penyelesaian supaya dapat mendatangkan manfaat kepada guru-guru tauliah dan penceramah agama khususnya di Malaysia ini. Kedudukan guru agama dan murabbi adalah mulia di sisi agama malah mereka mempunyai tanggungjawab mendidik umat Islam untuk kekal berada di jalan yang benar. Sudah tentu peranan ini akan menentukan nasib dan keadaan ummah pada masa hadapan

Rujukan

- ‘Awwāmah, M. 2009. *Dirāsāt al-Kāshif li al-Imām al-Dhababī*. Jeddah: Dār al-Minhāj.
- ‘Awwāmah, M. 2017. *Hukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍaʿīf*. Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Abu Zaki Ismail. 2017, Menangani Konflik Hadis Daif Dan Palsu Dalam Masyarakat Awam: Mengalih Perhatian Kepada Pengajian Hadis Sahih Dan Hasan. 2ND INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith. 15 November 2017 (1-5)
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali 2015, Mengenal Kuantitatif & Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Al-‘Asqalānī, I. Ḥ. 2011. *Nuzhat al-Nazar fi Tawdīh Nukhbat al-Fikr*. Tahqiq: Nuruddin‘ Iṭr. Karachi: Maktabat al-Bushrā.
- Bahagian Fatwa Dan Buhuth. Garis Panduan Pengeluaran Tauliah Mengajar, Kebenaran Berceramah Dan Membaca Khutbah Jumaat Dalam Negeri Melaka. Jabatan Mufti Negeri Melaka
- Bahagian Penyelidikan, Garis Panduan Prosedur, Pengeluaran Tauliah Khas, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
- Al-Baihaqī, A. B. 1991, *Maʿrifat al-Sunan wa al-Athar* Tahqiq: ‘Abd al-Muʿṭī Amin Falʿajī. Halab: Dār al-Rushd.
- Basri Ibrahim. 2022. Boleh Beramal Dengan Hadith Daʿīf. Batu Caves: PTS Publishing House Sdn Bhd.
- Bazmūl, M. ‘U. 2003. *Taqwīyyat al-Ḥadīth Baina al-Fuqāhā wa al-Mubaddithin*. Majallāt Jāmiʿat Umm al-Qurā li ‘Ulūm al-Syarīʿāt wa al-lughat al-‘Arabīyyat wa Adābuha.
- Faisal Ahmad Shah. 2017, Hadis Daif dan Palsu: Realiti Pemakaiannya di Malaysia. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Fathor Rois & Iqro Firdaus. 2014, Para Pemalsu Hadis: Biografi Tokoh – Tokoh Pemalsu Hadis dan Pendapat Para Ahli Hadits Tentang Mereka. Jogjakarta: Diva Press.
- Al-Ghourī, S. ‘A. 2019, *Al-Muyassar fi ‘Ilmi Mustolah al-Hadith*. Bangi: Dār al-Syakir.
- Hussein ‘Abd al-Kadir 2017, Pencerahan Dalam Bidang Hadith. Kota Bharu: Jabal Maraq Sdn. Bhd.
- Ibn ‘Abd al-Bar, Y. ‘A. 1967, *al-Tambid lima fi al-Muwatṭa min al-Ma‘ānī wa al-Asānid*. Tahqīq: Muṣṭofā bin Muḥammad al-‘Alawī. Wizārat al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islamiyyah.
- Ibn Ṣalāḥ, ‘U. ‘A. 1986, *Muqaddimah Ibn Ṣalāḥ*. Tahqīq: Nuruddin Iṭr. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibrahim Adham Ahmad Rokhibi 2018, Mendepani Isu Hadith Dhaif: Analisis Melalui Kitab Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Jabatan al-Quran dan al-Hadith. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ibrahim Adham Mohd Rokhibi, Mohd Farhan Md Ariffin & dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar 2020, Cabaran Pseudo-Salafi Terhadap Amalan Masyarakat Islam. Jurnal Al-Ummah 2: (31-48).
- Jamaluddin Abdul Wahab 2011, Isu-Isu Takhrij Di Singapura: Satu Tinjauan Awal. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Al-Juwainī, ‘A. M. 1979, *Al-Burhan fi Uṣūl al-Fiqh*. Tahqīq: ‘Abd al-‘Azīm al-Dīb. Qaṭar: Ṭoba ‘alā Nafkah Ṣāḥib Amīr Daulat Qaṭar.
- Khadher Ahmad & Fauzi Deraman. 2021, Pendekatan ‘Ulum al-Hadīth Dalam Menangani Salah Faham Terhadap Sunnah. Selangor: Persatuan ‘Ulama Malaysia,
- Khalīl Ibrāhīm, M. K. 2005, *Kbuṭurab Musāwab al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf bi al-Manḍū‘*, Makalah Seminar Hadith al-Sharīf dan Cabaran-cabarannya Masa Kini Peringkat Antarabangsa, Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab Dubai, 27 -29 Mac 2005. 1-11
- Krejcie, R. V. dan Morgan, D. W. 1970, Determining sample size for research education and psychological measurement. Education and Psychological Measurement, 3, (607-610).
- Al-Laknawī, ‘A. H. 1995, *Zafar al-Amānī bi Syarḥ Mukhtasar al-Jurjānī*. Tahqīq: ‘Abd al-Fattah Abū Ghuddah. Halab: Maktabat al-Maṭbū‘at al-Islamiyyah.
- Al-Laknawī, ‘A. H. 2000, *al-Raf‘ wa al-Takmil fi al-Jarḥ wa al-Ta’dil*. Tahqīq: ‘Abd al-Fattah Abū Ghuddah. Kaherah: Dār al-Salam.
- Al-Laknawī, ‘Abd al-Hayy 2007, *al-Ajwībab al-Faḍīlah li al-Asīlat al-‘Ashara al-Kāmilat*. Ta’līq: ‘Abd al-Fattah Abū Ghuddah. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Mālikī, S. M. A. 2000 *Al-Manbal al-Latīf fi Uṣūl al-Ḥadīth al- Syarḥ*. Beirut: Dār al-Kutub al- ‘Ilmiyyah.
- Mohd Shukri Mohd Senin & Faisal Ahmad Shah 2018, Hadith-hadith Masyhur Berkaitan Al-Faḍā’il: Kajian Kefahaman dan Pengamalannya dalam Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam di Pasir Gudang, Johor. Jurnal Usuluddin, 46 (2), (27–66)
- Mohd. Majid Konting 2000, Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar 2003, Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Dhani 2014, Pedoman Ilmu Hadis. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Nuruddīn al-Ṭr 1997, *Manhaj al-Naqd fi ‘Ulum al-Ḥadīth*. Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu’āṣir.
- Al-Qāsimī, J. 1993, *Qawā’id al-Tahdīth min Funun Mustolah al-Ḥadīth*. Tahqīq: Muḥammad Bahjah al-Baitar. Beirut: Dār al-Nafāis.
- Rohaizan Baru, Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Syed Mohd Azmi Syed Abd Rahman & Rosmalizawati Ab Rashid. 2022 Isu Perbalahan Agamawan Mengenai Hadis Nabi Saw. QIYAM International Social Science and Humanities Journal, 5(1), (50-60).
- Al-Tahānūwī, Z. A. 1972, *Qawā’id fi ‘Ulum al-Ḥadīth*. Tahqīq: ‘Abd al-Fattah Abū Ghuddah. Beirut: Dār al-Qalam.
- Wahyu Hidayat Abdullah & Mohamad Najib Md Norani. (2020), Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di Institusi Masjid-masjid Negeri Melaka. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences. Volume 3, Issue 1, 2020 (119-129).
- Wahyu Hidayat Abdullah, Mohd Marzuqi Abdul Rahim & Abd Hadi Borham 2018, Amalan Penggunaan Metode Syarah al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Institusi Masjid di Daerah Muallim Negeri Perak. Jurnal Teknologi Sains Humanika. November 2018 (1-7).